

28/12/2003

Kaki bodek dan seniman

Sutung Umar Rs

PADA awal Disember lalu, Hasmi Hashim menitipkan kertas kerja yang bakal dibentangkannya pada forum antarabangsa, 'Fixing the Bridge: An International Workshop On Artis Initiative', di Jogjakarta, Indonesia. Kertas kerja itu memang panjang, namun kerana saya melihat pentingnya kertas itu, untuk teman saya petik beberapa bahagian.

Catat Hasmi: "Selepas peralihan kuasa, antara kenyataan penting Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berharap maklumat yang disampaikan kepadanya bukanlah datang daripada kaki bodek." Kenyataan itu wajar dilihat secara positif, di samping, memberi sedikit masa untuk beliau meninjau segala sudut pandangan, termasuk daripada seniman.

"Sejak lebih 10 tahun lalu, dalam isu budaya, beberapa pihak dalam negara jelas tidak senang apabila Tun Dr Mahathir Mohammad meletakkan urusan seni dan kebudayaan setaraf dengan industri pelancongan di bawah satu kementerian. Namun keluh resah ini tidak pernah diambil kira. Memang tidak semua kementerian perlu diketuai orang yang arif dalam sesuatu bidang itu, tetapi tidak salah juga apabila pada ketika tertentu, kementerian berkenaan diserahkan kepada individu yang mempunyai hubungan rapat dengan seniman."

"Wujud pandangan agar aspek seni dan kebudayaan di Malaysia digandingkan dengan hal pendidikan agar cabang sosial ini tidak hanya dilihat menjadi produk warna-warni untuk tatapan pelancong. Memang jelas pandangan ini adalah untuk mempertahankan pengertian asas seni-budaya yang bertujuan menjadi metodologi pendidikan. Seniman pula lebih selesa dikaitkan dengan proses pemikiran dan karya mereka bukan produk perniagaan secara langsung. Semakin ramai seniman tidak selesa apabila catan, arca, teater atau filem; yang mereka hasilkan dengan tekun dan mengambil kira kesedaran ilmu, akhirnya, hanya setaraf dengan barang cenderamata."

"Akibat kritikan tidak dilayan maka pembinaan infrastruktur mega untuk kegiatan seni budaya segera dipandang muram oleh ramai seniman. Sekalipun wujud usaha pihak birokrat dan pengurusan untuk membuktikan gedung pemerintah ini juga bersedia menerima karya tanpa tujuan komersial melulu: golongan seniman keseluruhannya beranggapan langkah kecil ini tidak menunjukkan keseriusan dan kejujuran pemerintah untuk menerima idea bahawa produk seni-budaya bukan bertujuan sebagai produk komersial semata-mata."

"Lebih malang apabila pihak atasan hanya menjaga kepentingan sendiri, dan takut untuk bercakap tentang idea bagi pihak kelompok seniman di luar bilik pentadbiran mereka. Kesan jangka panjang yang mulai melanda seniman muda Malaysia ialah apabila karya mereka menjadi tidak bermutu dan hanya bertujuan dijual untuk dijadikan hiasan di lobi atau dinding hotel. Atau rumah mewah dengan pemilik rumah tidak tahu-menahu makna dan apresiasi sesebuah karya. Di sisi lain, golongan elit semakin tidak berminat menjadi pengumpul karya - maka hilanglah satu sektor yang sewajarnya menjadi antara penaung kegiatan seni-budaya."

Kata Hasmi lagi, "Sekiranya kemanusiaan, kebebasan dan hak warga menjadi asas kepada percakapan dalam karya, tentulah penting seniman turut mampu bersaing di tengah berseliratnya kehidupan warga kota. Barangkali sehingga pada peringkat mempunyai media sendiri: di Malaysia memang tidak ada media massa yang meletakkan di halaman berita utama akan pencapaian golongan seniman, melainkan lazimnya hanya 'diceduk' air liur politikus, ahli perniagaan, selebriti dan sesekali penjenayah. Saya yakin adalah tidak melanggar apa-apa pantang larang sekiranya ada seniman yang berkeupayaan untuk menghasilkan poster lebih mempersona dan ditampal di persekitaran atau lingkungan borjuasi."

"Disiplin karya galeri, pada peringkat ini, tidak lagi sesuai dan sekiranya kita terus menghasilkan karya bertujuan sosial sama seperti

etika karya untuk pameran di bilik galeri, langkah ini tidak ubah seperti memakai baju mahal untuk ke ladang menanam tebu. Dan kerana itu ada bezanya antara puisi dan lirik... tetapi dalam bidang seni visual, saya yakin, bentuk karya tetap mampu meresap ke mana-mana saja. Pada peringkat masyarakat yang bagaimana sekalipun."